

16 MAY 1996
Mahathir-Lawat
PM LAWAT KILANG KELULI DAN ROBOTIK

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dalam rangka lawatan kerja di sini, hari ini melawat sebuah kilang robotik dan kilang Kawasaki Steel Corporation di Chiba dekat sini.

Dr Mahathir berada selama tiga jam di kilang Fanuc Ltd di Yamanashi dan menghabiskan masa tiga jam lagi di kilang Kawasaki Steel, kata seorang pegawai dari Jabatan Perdana Menteri.

Semasa di kilang Fanuc, kira-kira 45 minit perjalanan dengan menaiki helikopter dari sini, Dr Mahathir disambut oleh pengerusi dan ketua pegawai eksekutifnya Seiueemon Inaba.

Kilang itu terkenal kerana menggunakan automasi secara meluas untuk menghasilkan robot bagi kegunaan perindustrian.

Dr Mahathir, yang diiringi penasihat sains di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Prof Omar Abdul Rahman, kemudian menghadiri jamuan tengah hari bersama-sama Inaba sebelum ke Chiba.

Beliau disambut oleh presiden Kawasaki Kanji Emoto di kilang Chiba, yang merupakan pengeluar utama keluli berkualiti tinggi.

Yang turut sama ialah Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman.

Kilang Kawasaki di Chiba itu terletak di Teluk Tokyo, kira-kira 43 km dari sini, dan dilengkapi peralatan terkini di dunia. Kilang itu, yang menghasilkan 8.5 juta tan metrik keluli setahun, terletak di kawasan seluas 870 hektar.

Dr Mahathir, yang tiba Isnin lalu, akan mengakhiri lawatannya esok dengan menyampaikan ucapan bertajuk "Ke arah sebuah Asia yang Stabil" pada satu persidangan antarabangsa mengenai masa depan Asia yang dianjurkan oleh akhbar terkemuka Jepun, Nihon Keizai Shimbun.

Beliau juga dijadual menemui Presiden Filipina Fidel Ramos dan dua tokoh koporat Jepun pada sebelah pagi. Ramos juga menghadiri persidangan antarabangsa itu.

Perdana Menteri akan berlepas ke Amerika Syarikat pada petang Sabtu untuk melakukan lawatan kerja. -- BERNAMA

TCL AKD